




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **60 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **59,409 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Keningau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembahuh 104 menjadikan jumlah kumulatif 58,320 orang. Seramai 530 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 244 orang di hospital dan 286 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 42 orang dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah lapan (8) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau lapan (8) daerah

- 5 Terdapat dua (2) kluster baharu direkodkan hari ini.
- i **Kluster Sungai Langgas di Kunak** melibatkan komuniti di Kg Langgas. Kes indeks merupakan anak perempuan kepada Imam Masjid Al-Mansa, 21, yang disahkan positif RTK-Ag 100% selepas menjalani saringan bergejala di Hospital Kunak pada 04 Mei 2021. Saringan kontak rapat yang bermula 07 Mei 2021 mendapati lima (5) kes positif RT-PCR termasuk bapa kepada kes indeks serta ahli keluarga yang lain. Saringan sampel kedua (ulangan) pada 10 hingga 11 Mei 2021 pula mengesan 11 lagi kes positif RTK-AG iaitu dua (2) kes hasil saringan kontak dan sembilan (9) kes daripada saringan bersasar. Turut dijangkiti, dua (2) kes di Fever Center Hospital Kunak pada 10 Mei 2021 dan menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 19 kes. Berdasarkan penelitian, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan daripada bapanya yang telah merebak kepada para jemaah lain.
  - ii **Kluster Jalan Imam Jalilul di Tawau** mula dikesan apabila kes indeks iaitu guru lelaki, 41, di SK Pasir Putih dan tinggal di Kuarters SMK Pasir Putih menjalani saringan bergejala pada 07 Mei 2021. Daripada 32 kontak rapat yang disaring, 10 lagi kes positif berjaya dikesan iaitu dua (2) kes di Kuarters SMK Pasir Putih, enam (6) kes di Kg Tg Batu Darat dan dua (2) kes di Taman Semarak sekaligus mencatat jumlah terkini bagi kluster ini ialah 11 kes. Berdasarkan maklumat awal, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika berbuka puasa di rumah abangnya, di Jalan Imam Jalilul, Tg Batu Darat pada 02 Mei 2021. Selain itu, jangkitan terhadap kes indeks berkemungkinan berlaku ketika kes indeks menunaikan solat terawih setiap hari di Masjid Jideen berhampiran Tanjung Batu Darat. Setakat ini, pengesanan kontak rapat dan siasatan punca jangkitan sedang giat dijalankan.
- 6 Daripada 60 kes positif COVID-19, sebanyak 23 kes (38.3 %) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 16 kes (26.7%) saringan bergejala, 16 kes (26.7%) dari kluster baharu dan sedia ada serta lima (5) kes (8.3%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,999 unit

- Hospital 569 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 13.25%.

## B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **56,285** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **50,565** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **tiada** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **31,795** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **tiada** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **4,421** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **932** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **490,895** (mysejahtera 430,801 : laman web 59,853 : talian vaksinasi 241) bersamaan 16.7%.

## C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **321,651** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 54 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 28,436 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 215 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 57 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 14 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Enam (6) orang : Tidak memakai pelitup muka
  - Lima (5) orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
  - Tiga (3) orang : Gagal menyediakan peralatan/Merekod butiran diri
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 90 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 33 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan dibuat iaitu di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 189 lokasi melibatkan seramai 109 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 42 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu di daerah Sandakan, Kinabatangan dan Kota Kinabalu.

**E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Ranau	98%
2	Beaufort	98%
3	Tenom	98%
4	Sipitang	98%
5	Beluran	98%
6	Kota Marudu	98%
7	Kudat	97.5%
8	Penampang	97.5%
9	Kota Belud	97.5%
10	Kinabatangan	97.5%
11	Keningau	97%
12	Lahad Datu	97%
13	Tuaran	97%
14	Kunak	97%
15	Semporna	96.5%
16	Papar	96.5%
17	Sandakan	96.5%
18	Tawau	96%
19	Kota Kinabalu	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**17 MEI 2021**